



HUJAN LEBAT DAN BANJIR SEMASA PERISTIWA LURUAN MONSUN

- 1 Pada November, Disember dan Januari kawasan tekanan udara rendah dan vorteks siklon wujud berhampiran
- 2 Udara bertekanan tinggi meluru dari benua Rusia/China apabila keadaan atmosfera sesuai.
- 3 Angin kencang di Laut China Selatan serentak dengan angin kencang dari Laut Pasifik Barat.

KEDUA-DUA ANGIN BERTUMPU DI KAWASAN TEKANAN UDARA RENDAH BERHAMPIRAN SEMENANJUNG MALAYSIA

- 4 Awan dengan hujan lebat menyeluruh dan ombak besar berlaku khususnya di pantai Timur Semenanjung.

Hujan monsun bergerak ke utara

PUTRAJAYA 20 Dis. - Hujan monsun lebat yang telah menyebabkan banjir besar di Johor kini sedang bergerak ke bahagian utara sehingga hujung minggu ini.

Angin kencang berkelajuan antara 50 hingga 60 kilometer sejam dijangka menggerakkan hujan ke kawasan selatan Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan selatan Selangor.

Bagaimanapun Kelantan dan Kedah mungkin tidak menerima kesan pergerakan hujan itu kerana episod hujan lebat diunjurkan beransur-ansur berkurangan sehingga Ahad ini manakala keadaan di Johor dijangka bertambah baik pada Jumaat ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis berkata, unjuran menunjukkan hujan lebat berkemungkinan berlanjutan hingga Ahad ini hingga ke kawasan utara sekali gus akan memberikan kesan kepada penduduk

Lembah Klang.

Serentak itu beliau meminta agensi-agensi terbabit agar bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan banjir di kawasan terbabit dengan mengikuti laporan unjuran yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).

"Sekarang hujan sudah memasuki kawasan Pahang selatan dan kedudukan akan datang hingga Jumaat ini, ia sedang bergerak ke utara.

"Jadi kita minta mereka yang berada di selatan Selangor harap bersedia dan dengan hujan yang sedang bergerak ke utara hingga hujung minggu akan turut melimpah ke Lembah Klang," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Tabung Penyemaian Awal Usahawan Tekno dan Pusat Pelanggan MSC Malaysia (CliC) di sini, hari ini.